



## IKLAN JAWATAN PENDAFTAR

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti ingin mempelawa calon-calon berkeelayakan yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran untuk mengisi kekosongan jawatan Pendaftar. Maklumat jawatan adalah seperti berikut:

1. **Jawatan** : Pendaftar
2. **Gred** : Gred N54
3. **Jadual Gaji (Min-Maks)** : RM 6,072.00 – RM 13,138.00
4. **Taraf Lantikan** : Tetap / Kontrak / Peminjaman / Pertukaran Sementara
5. **Tempoh Lantikan** : Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
6. **Syarat Lantikan** : Keputusan pelantikan adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Pilih dan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

7. **Kriteria Pemilihan:**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

**7.1 Pengalaman**

Pernah mengetuai Jabatan / Bahagian penting di mana-mana Universiti dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran dan pengurusan sumber manusia sekurang-kurangnya 10 tahun. Pengalaman dan rekod cemerlang kepimpinan merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon. Keahlian profesional (jika ada) di dalam bidang yang berkaitan juga boleh diambilkira.

**7.2 Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Mempunyai "*people skill*" yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi selaras "*core business*" Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.

**7.3 Reputasi**

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, selain mempunyai pengalaman dan rekod serta reputasi yang baik, disanjung serta dihormati oleh masyarakat dalam dan luar kampus.

#### 7.4 **Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Yang Mantap**

Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap, seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Seorang yang beretika, berintegriti, patriotik dan bermotivasi tinggi. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

#### 7.5 **Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Dengan Pihak Ketiga**

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan pihak ketiga dan pemegang taruh (*stakeholders*). Ini adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.

#### 7.6 **Pengurusan Perubahan dan Risiko**

Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

### 8. **BIDANG TUGAS**

Melaksanakan tugas sebagai Pendaftar seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan UTHM dan Statut Universiti yang berkaitan

### 9. **SYARAT KELAYAKAN**

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Telah mengisytiharkan harta;
- iii. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- iv. Bebas dari hukuman tatatertib;
- v. Bebas dari disenaraikan sebagai peminjam tegar; dan
- vi. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

### 10. **CARA MEMOHON**

Calon yang berminat bagi mengisi jawatan ini boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan maklumat seperti berikut:

- i. Surat permohonan rasmi;
- ii. *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini beserta gambar ukuran passport, salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan (*CV lengkap adalah merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, anugerah dan hadiah yang diterima, sumbangan-sumbangan besar kepada pembangunan Universiti dan Negara perlu disertakan bersama*)
- iii. *Key Performance Indicators (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Pendaftar UTHM;
- iv. Surat sokongan Ketua Jabatan

11. **CATATAN TAMBAHAN**

- i. Calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja yang akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil temuduga.
- ii. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan / temuduga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- iii. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.

12. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Puan Shereen Sabrina binti Abd. Shukor  
Pengarah Bahagian Governan  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
No. Telefon : 07-4538609  
E-mel : [shereen@uthm.edu.my](mailto:shereen@uthm.edu.my)

13. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**PENDAFTAR**  
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**  
**86400, Parit Raja,**  
**Batu Pahat**  
**Johor Darul Takzim**  
**No. Telefon : 07-4537100 / 07-4537103**  
**No. Faks : 07-4536337**

14. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 08 APRIL 2020 (RABU)**

15. Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilih.